# Laporan Tahunan

# SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

# 2021



# Laporan Tahunan 2021

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan




SPP
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PEND
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| 3 | Perutusan Pengerusi |
| 7 | Pena Setiausaha |
| 11 | Ringkasan Eksekutif |
| 15 | Latar Belakang |
| 21 | Anggota Suruhanjaya |
| 27 | Urus Setia SPP<br>► Carta Organisasi<br>► Organisasi Jabatan<br>• Perjawatan<br>• Fungsi Bahagian |
| 37 | Urusan Pengambilan |
| 45 | Urusan Perkhidmatan |
| 53 | Urusan Kenaikan Pangkat Dan Kawalan Tatatertib |
| 57 | Pengurusan Maklumat |
| 61 | Urus Setia Cawangan Sabah |
| 65 | Urus Setia Cawangan Sarawak |
| 73 | Prestasi Kewangan |
| 75 | Mesyuarat Suruhanjaya |
| 79 | Diari 2021 |
| 111 | Liputan Media |
| 115 | Pengiktirafan |
| 121 | Sekalung Penghargaan |
| 125 | Glosari |
| 127 | Lagu SPP |


SETIAUSAHA
DMATAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# Perutusan Pengerusi



## Perutusan Pengerusi

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada seluruh warga SPP atas kesungguhan dan komitmen padu yang diberikan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Diharapkan agar SPP kekal menjadi sebuah Pihak Berkuasa Melantik yang berwibawa dan berintegriti bagi Perkhidmatan Pendidikan. Semoga segala usaha yang dicurahkan oleh pelbagai pihak diberkati oleh Allah SWT.



# Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dapat menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2021. Semoga laporan ini akan menjadi sumber rujukan kepada warga SPP khasnya dan agensi-agensi kerajaan lain amnya terutama berkaitan dengan pengurusan sumber manusia sektor pendidikan. Penerbitan laporan tahunan ini juga sekali gus telah menyempurnakan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah perkara 146 (1) Perlembagaan Persekutuan bagi menyediakan satu laporan tahunan mengenai aktiviti dan fungsi Suruhanjaya keseluruhannya.

Di sebalik ketidaktentuan keadaan ekonomi dan sosial dunia akibat dilanda pandemik Coronavirus 2019 atau singkatannya lebih dikenali sebagai COVID-19, SPP masih mencatatkan momentum perkembangan positif dalam operasi utama mengikut situasi semasa. SPP sentiasa komited dalam memperkasa dan mempertingkatkan urusan-urusan perkhidmatan yang melibatkan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP). Beberapa aktiviti sepanjang tahun 2021 telah dilaksanakan dengan jayanya dan antaranya ialah melaksanakan urusan pengambilan bagi APP seperti yang dirancang serta Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara *one-off* bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP) yang dilancarkan pada 15 Julai 2020 lalu telah memudahkan masyarakat umum untuk membuat pendaftaran permohonan pekerjaan secara dalam talian bagi jawatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang ditawarkan bagi tahun 2021.

Selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM), keperluan memastikan pemilihan calon yang berkualiti dalam bidang pendidikan amatlah dititik beratkan. Berikutan senario pandemik tahun 2021, SPP hanya melaksanakan 1 (satu) program turun padang secara bersemuka bagi menyantuni komuniti pendidikan manakala sebanyak 4 (empat) webinar Taklimat Penyediaan Urusan Temu Duga SPP dilaksanakan secara dalam talian. Selain itu, Taklimat Penyediaan Urusan Temu Duga SPP bagi Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara *one-off* juga berjaya dilaksanakan.

Pada tahun 2021, SPP sentiasa mencari solusi dalam memastikan urusan harian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. Sehubungan dengan itu, SPP telah memperkenalkan Aplikasi Format Inisiatif, Kualiti, Inovasi dan Respon atau F.I.K.I.R. Aplikasi ini merupakan migrasi komunikasi kepada platform digital dalam kalangan warga SPP dan semua cadangan penambahbaikan kualiti dan inovasi dapat dilaksanakan secara dalam talian.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada seluruh warga SPP atas kesungguhan dan komitmen padu yang diberikan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Diharapkan agar SPP kekal menjadi sebuah Pihak Berkuasa Melantik yang berwibawa dan berintegriti bagi Perkhidmatan Pendidikan. Semoga segala usaha yang dicurahkan oleh pelbagai pihak diberkati oleh Allah SWT.

*Sekian, terima kasih.*

**TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF**
**Pengerusi**
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan


PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Pena Setiausaha



## Pena Setiausaha

Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga dan tahniah kepada semua Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan warga SPP keseluruhannya atas komitmen yang berterusan dalam melaksanakan tanggung jawab yang telah diamanahkan di sebalik ketidaktentuan keadaan sosio-ekonomi negara 2021 akibat pandemik COVID-19. Diharapkan agar momentum produktiviti ini dikekalkan pada tahun seterusnya.



# Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Tahun 2021 berjaya diterbitkan. Laporan ini merekodkan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh SPP sepanjang tahun 2021 selaras dengan fungsi SPP. Keseluruhan kandungan laporan ini merupakan manifestasi SPP sebagai satu Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berwibawa serta bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi yang ditetapkan mengikut Perlembagaan Persekutuan. Laporan ini juga dapat membantu dalam usaha SPP untuk mengukur serta menambah baik program dan aktiviti bagi tahun-tahun akan datang.

Sepanjang tahun 2021, SPP telah menerima sebanyak 1,050,072 permohonan calon bagi mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Daripada jumlah tersebut, 25,606 calon telah dipanggil temu duga dan 14,292 calon berjaya ditawarkan pelantikan sebagai Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

Pada tahun 2021 juga, SPP telah melaksanakan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara *one-off* bagi memenuhi kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengisi kekosongan kritikal sebanyak 18,702 jawatan di seluruh sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 34 peratus (%) telah dilantik untuk mengisi sebahagian daripada keseluruhan kekosongan. Memandangkan urusan pengambilan khas ini masih dilaksanakan, baki kekosongan dijangka akan dapat diisi sepenuhnya pada suku pertama tahun 2022.

Selain urusan pengambilan, SPP juga melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP serta tindakan tatatertib ke atas APP yang dilaporkan oleh KPM. Bagi urusan perkhidmatan, seramai 11,080 orang pegawai telah diluluskan pengesahan pelantikan tetap, 8,615 orang pegawai diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan 5,726 orang pegawai diluluskan pemberian taraf berpencen. Bagi kes tatatertib, Suruhanjaya telah memutuskan 31 kes tatatertib dan menimbang 183 kes rayuan tatatertib.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga dan tahniah kepada semua Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan warga SPP keseluruhannya atas komitmen yang berterusan dalam melaksanakan tanggung jawab yang telah diamanahkan di sebalik ketidaktentuan keadaan sosio-ekonomi negara pada tahun 2021 akibat pandemik COVID-19. Diharapkan agar momentum produktiviti ini dikekalkan pada tahun seterusnya.

*Sekian, terima kasih.*

**ENCIK MD RADZI BIN HASHIM**
**Setiausaha**
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan


SETIAUSAHA
PENDIDIKAN MALAYSIA

# Ringkasan Eksekutif



# Ringkasan Eksekutif

Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Fasal 1 Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Fasal 1 Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya ialah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

SPP menjalankan fungsinya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan yang melaksanakan pelbagai urusan yang melibatkan APP seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib.

Bagi urusan mesyuarat, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 22 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 20 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 8 kali bagi tahun 2021.

Bagi tahun 2021, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM22,584,500.00 bagi perbelanjaan pengurusan Anggota Suruhanjaya dan Urus Setia.

Sepanjang tahun 2021, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

| URUSAN PELANTIKAN | BILANGAN |
|---|---|
| Permohonan | 1,050,072 |
| Temu Duga | 25,606 |
| Tawaran Pelantikan | 14,292 |

| URUSAN PERKHIDMATAN | BILANGAN |
|---|---|
| Pengesahan Pelantikan | 11,080 |
| Pengesahan Dalam Perkhidmatan | 8,615 |
| Pelanjutan Tempoh Percubaan | 128 |
| Pemberian Taraf Berpencen | 5,726 |
| Pertukaran Sementara | 123 |
| Peminjaman | 34 |

| URUSAN KENAIKAN DAN KAWALAN TATATERTIB PANGKAT | BILANGAN |
|---|---|
| Kes Tatatertib | 31 |
| Hukuman Tatatertib | 30 |
| Rayuan Tatatertib | 183 |
| Rayuan Naik Pangkat | 3 |

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat-mesyuarat utama di SPP adalah seperti berikut:

| MESYUARAT SURUHANJAYA | BILANGAN |
|---|---|
| Kertas Pengambilan | 60 |
| Kertas Perkhidmatan | 152 |
| Kertas Tatatertib | 104 |
| Kertas Dasar | 1 |

| MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB | BILANGAN |
|---|---|
| Kertas Rayuan Tatatertib | 186 |

| MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT | BILANGAN |
|---|---|
| Kertas Rayuan Naik Pangkat | 4 |


PENGERUSI
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Latar Belakang



# Latar Belakang

## PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Anggota Suruhanjaya SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.

## FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144 (1) Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

FUNGSI SPP




## PENURUNAN KUASA

### Perkara 144 (5B) Perlembagaan Persekutuan

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini, Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran dan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat serta urusan kawalan tatatertib yang telah ditentukan. SPP hanya menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas kawalan tatatertib.

## KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA

### Perkara 144 (8) Perlembagaan Persekutuan

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan 2007 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 189.

## LAPORAN TAHUNAN

### Perkara 146 (1) Perlembagaan Persekutuan

SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan laporan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen







**Visi**

Peneraju Transformasi Modal Insan Perkhidmatan Pendidikan

**Misi**

Melantik dan mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan melalui pengurusan perkhidmatan yang transformatif



**Kod Etika**



# Latar Belakang

## Piagam Pelanggan

SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited memastikan Piagam Pelanggan di **Jadual 1** tercapai.

**Jadual 1:** Piagam Pelanggan

| URUSAN | PIAGAM |
|---|---|
| Pengambilan | |
| (i) PPP dan PPPT | Diselesaikan tidak lewat lapan (8) minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). |
| (ii) AKP | Diselesaikan tidak lewat 10 minggu dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada KPM. |
| Perkhidmatan | Diselesaikan tidak lewat daripada enam (6) minggu dari tarikh perakuan lengkap diterima. |
| Tatatertib | (i) Surat Keputusan Tindakan Tatatertib Am Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai dalam tempoh lapan (8) minggu setelah representasi pegawai, ulasan Ketua Jabatan dan dokumen berkaitan lengkap diterima;<br>(ii) Surat Keputusan Rayuan Tatatertib Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai dalam tempoh enam (6) minggu setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima; dan<br>(iii) Surat Keputusan Rayuan Naik Pangkat Suruhanjaya dikeluarkan kepada Pengerusi Lembaga Naik Pangkat dalam tempoh lapan (8) minggu setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima. |
| Khidmat Pengurusan | (i) Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja;<br>(ii) Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja; dan<br>(iii) Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima. |

# Lokasi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan




**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (Ibu Pejabat Putrajaya)**

Aras 1-4, Blok F9
Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8871 7499

**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Urus Setia Cawangan Sabah**

Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-488 521/522/523/524
Faks : 088-487 257






**Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan Urus Setia Cawangan Sarawak**

Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn
Lot 1546, Blok 17, KCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching, Sarawak
Tel : 082-537 000 / 029
Faks : 082-528 971 / 972




SETIAUSAHA
PENDIDIKAN MALAYSIA

# Anggota Suruhanjaya



# Anggota Suruhanjaya

SPP diperuntukkan seramai tiga belas Anggota Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli yang lain. Anggota Suruhanjaya dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat YAB Perdana Menteri dan Persetujuan Majlis Raja-Raja. Pada tahun 2021, Suruhanjaya dianggotai oleh:




| | |
|---|---|
| 01 | YBHG. TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF – *Pengerusi SPP* |
| 02 | YBHG. DATUK SERI AZMI BIN LATEH – *Timbalan Pengerusi* |
| 03 | YBHG. DATUK HAJI MUHIDDIN @ MOHD ANAS BIN YUSIN |
| 04 | YBRS. DR. AZIAN BINTI TENGKU SYED ABDULLAH |
| 05 | YBRS. PUAN HAMSIAH BINTI ABDULLAH MASNI |
| 06 | YBHG. DATUK GIVANANADAM A/L KALINAN |
| 07 | YBHG. DATO' SABARIAH BINTI HASSAN |

# Anggota Suruhanjaya




| | |
|---|---|
| 08 | YBRS. DR. JAMIL BIN ADIMIN |
| 09 | YBRS. ENCIK SHABUDIN BIN MAN |
| 10 | YBHG. DATO' WEE BENG EE |
| 11 | YBRS. DR. ZAINAL AALAM BIN HASSAN |
| 12 | YBHG. DATO' DR. ZAILAN BINTI DATO' HAJI ADNAN |
| 13 | YBHG. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD |

# Anggota Suruhanjaya Yang Telah Tamat Perkhidmatan

## *Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih*

YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof telah menjalankan tanggungjawab beliau selaku Pengerusi SPP daripada tarikh 27 November 2018 sehingga 26 November 2021.










## Anggota Suruhanjaya Yang Telah Tamat Perkhidmatan

**YBhg. Dato' Hj. Mohd Sani bin Mistam**
Tarikh Berkhidmat: 4 Januari 2018 – 3 Januari 2021





**YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Shapie**
Tarikh Berkhidmat: 4 Januari 2018 – 3 Januari 2021





**YBhg. Datuk Muhiddin @ Mohd Anas bin Yusin**
Tarikh Berkhidmat : 27 November 2018 - 26 November 2021






PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Urus Setia SPP



# Urus Setia SPP

Urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh seorang Setiausaha bersama dua orang Timbalan Setiausaha dan sembilan orang Setiausaha Bahagian. Secara keseluruhannya, sejumlah 262 orang pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat di tiga buah pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak.




| | | |
|---|---|---|
| 01 | **YBHG. ENCIK MD RADZI BIN HASHIM**<br>*Setiausaha SPP* |
| 02 | **YBRS. PUAN KHAIRIAH BINTI AB RASHID**<br>*Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan)* |
| 03 | **YBRS. ENCIK AHMAD TARMIZI BIN ZAKARIA**<br>*Timbalan Setiausaha (Pengurusan)* |

## Urus Setia SPP




| | |
|---|---|
| 04 | **ENCIK HAZLAN BIN HASHIM**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib* |
| 05 | **ENCIK FADLI AHMAD BIN ISMAIL**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengambilan* |
| 06 | **ENCIK MOHAMAD NAZRI BIN MOHD NASOHAH**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Perancangan* |
| 07 | **ENCIK MOHD FAIZUL FITRI BIN MUSLIL**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Perkhidmatan* |
| 08 | **PUAN NORAISHAH BINTI KAMORUDIN**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Maklumat* |

# Urus Setia SPP




| | |
|---|---|
| 09 | **PUAN FAIZAH BINTI EDRUS**<br>*Setiausaha Bahagian, Urus Setia Cawangan Sarawak* |
| 10 | **ENCIK ZAMZUL @ ROSMADI BIN REBBIN**<br>*Setiausaha Bahagian, Urus Setia Cawangan Sabah* |
| 11 | **PUAN NOR KAMILA BINTI KAMARUZAMAN**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Keurusetiaan* |
| 12 | **PUAN MARRIANEE ANAK JEMLIN**<br>*Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan* |
| 13 | **PUAN AZRINA BINTI ABDUL HAMID**<br>*Penasihat Undang-Undang* |
| 14 | **PUAN NURUL NADHIRAH BINTI MOHAMED YUSOFF**<br>*Ketua Unit Integriti* |

# Urus Setia yang Bersara dan Bertukar Keluar



**YBHG. DATUK SUHAIMI BIN JUSOH**
*Setiausaha*
22.07.2019 – 1.1.2021
(Bersara Wajib)



**ENCIK WAN AHMAD BIN IBRAHIM**
*Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan*
12.10.2018 – 12.05.2021
(Bersara Wajib)



**PUAN ROZILA BINTI MEGAT OTHMAN**
*Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Maklumat*
08.05.2017 – 27.09.2021



**PUAN NOR'AAMIRAH BINTI MOHAMAD SHAFIE**
*Penasihat Undang-undang*
01.11.2020 – 15.09.2021

# Carta Organisasi

## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN



## Perjawatan Urus Setia SPP

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | IBU PEJABAT | CAWANGAN SABAH & WP LABUAN | CAWANGAN SARAWAK | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| PENGURUSAN TERTINGGI | 2 | 0 | 0 | 2 |
| PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | 35 | 4 | 4 | 43 |
| SOKONGAN | 175 | 21 | 21 | 217 |
| **JUMLAH** | **212** | **25** | **25** | **262** |

## Fungsi Bahagian

### Bahagian Pengambilan

Bertanggungjawab menguruskan pengambilan dan pelantikan tetap bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang meliputi:

- Menguruskan permohonan dan urusan temu duga;
- Menguruskan tawaran pelantikan;
- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan yang berkaitan; dan
- Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkelayakan mengikut skim perkhidmatan.

### Bahagian Perkhidmatan

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) yang meliputi:

- Pengesahan Pelantikan
- Pengesahan Dalam Perkhidmatan;
- Pelanjutan Tempoh Percubaan;
- Pemberian Taraf Berpencen;
- Penamatan perkhidmatan;
- Pertukaran pelantikan;
- Pelantikan secara pertukaran sementara/peminjaman/pertukaran tetap;
- Pelantikan kontrak; dan
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu.

### Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

- Melaksanakan urusan-urusan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja dan turun pangkat bagi PPP Gred 41 dan ke atas.;
- Menguruskan rayuan tatatertib PPP dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM);
- Menguruskan kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM).; dan
- Menguruskan rayuan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Khidmat Sokongan lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

## Bahagian Dasar dan Perancangan

- Mengkaji dan memantau pelaksanaan dasar dan peraturan berkaitan urusan pengambilan, perkhidmatan dan tatatertib di SPP;
- Bertanggungjawab ke atas semua urusan Parlimen berkaitan SPP;
- Menyedia dan memantau pelaksanaan pelan perancangan strategik SPP;
- Menyelaras dan memantau *Outcome Based Budget* (OBB) SPP;
- Menyelaras dan menyediakan Laporan Tahunan SPP; dan
- Mengumpul keputusan-keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Suruhanjaya, Mesyuarat Jemaah Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Peguam Negara.

## Bahagian Pengurusan Maklumat

Menyediakan prasarana dan khidmat sokongan ICT bagi menyokong pelaksanaan fungsi SPP dan bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan seperti yang berikut:

- Membangun, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) SPP;
- Membangun dan memantau pematuhan Polisi Keselamatan Siber (PKS) SPP;
- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi SPP;
- Membangun dan menyelenggara Portal SPP;
- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT terjamin;
- Merancang dan melaksanakan perolehan ICT;
- Merancang dan melaksanakan latihan penggunaan sistem aplikasi SPP;
- Merancang dan mengurus aset ICT SPP;
- Menguruskan pusat data SPP; dan
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal berkaitan ICT.

## Bahagian Keurusetiaan

Mengurus setia mesyuarat-mesyuarat seperti yang berikut:

- Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (MSJ);
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan (MLRTT);
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (MLRKP);
- Mesyuarat *Search Committee* Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan; dan
- Menguruskan hal ehwal Anggota Suruhanjaya.

## Bahagian Pengurusan

Bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal pentadbiran, kewangan, sumber manusia dan perhubungan awam dengan efisien dan teratur bagi pegawai dan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan seperti berikut:

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personal, pengurusan prestasi dan tatatertib;
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran.
- Menguruskan kewangan Jabatan;
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam; dan
- Menyelaras pelaksanaan modul/submodul aplikasi HRMIS.

## Pejabat Penasihat Undang-Undang

- Memberi nasihat perundangan kepada semua Bahagian di SPP selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang yang berkuatkuasa;
- Menggubal, menyemak dan meluluskan dokumen perjanjian, kontrak, memorandum persefahaman dan dokumen lain yang melibatkan SPP;
- Menggubal dan menyemak rang undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dokumen-dokumen perundangan lain di bawah bidang kuasa SPP; dan
- Mengendalikan kes-kes saman/guaman di Mahkamah yang melibatkan SPP sebagai Plaintif.

## Unit Integriti

- Pengukuhan integriti dan tadbir urus;
- Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) SPP;
- Pematuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa ;
- Pengesanan dan pengesahan terhadap aduan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan serta etika di SPP;
- Menerima dan mengambil tindakan ke atas aduan/maklumat mengenai salah laku, pelanggaran tata kelakuan serta etika di SPP; dan
- Urus Setia Lembaga Tatatertib SPP.

## Urus Setia Cawangan Sabah dan Sarawak

- Melaksanakan urusan pengambilan dan perkhidmatan APP di Sabah dan Sarawak seperti berikut:
    1. Menguruskan permohonan dan urusan temu duga;
    2. Menguruskan tawaran pelantikan;
    3. Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan permohonan sepanjang masa bagi jawatan yang berkaitan;
    4. Memproses dan mendaftarkan permohonan calon yang berkelayakan mengikut skim perkhidmatan;
    5. Menguruskan Pengesahan Pelantikan;
    6. Pengesahan Dalam Perkhidmatan;
    7. Pelanjutan Tempoh Percubaan;
    8. Pemberian Taraf Berpencen;
    9. Pelantikan secara Pertukaran Sementara / Pertukaran Tetap / Peminjaman;
    10. Penamatan Perkhidmatan;
    11. Pertukaran Pelantikan;dan
    12. Memberikan khidmat nasihat bagi pengurusan kes-kes perkhidmatan kepada pihak jabatan dan sekolah

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran cawangan dan sokongan logistik seperti berikut:
    1. Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan personal, pengurusan prestasi dan tatatertib;
    2. Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran;
    3. Menguruskan kewangan cawangan;
    4. Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam; dan
    5. Menyelaras pelaksanaan modul / sub modul aplikasi HRMIS.

- Melaksanakan aktiviti pengurusan maklumat seperti berikut:
    1. Memastikan keselamatan dan kawalan ICT serta pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT) di peringkat cawangan;
    2. Merancang dan menguruskan rangkaian dan aset fizikal ICT; dan
    3. Memberi khidmat sokongan teknikal kepada warga kerja dan pemegang taruh yang menggunakan aplikasi perkhidmatan SPP

# Urusan Pengambilan



# Urusan Pengambilan

SPP melaksanakan urusan pengambilan berdasarkan permohonan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengisi kekosongan pelbagai jawatan dan gred yang merangkumi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP).

Pengambilan yang diuruskan oleh SPP secara amnya melibatkan calon-calon daripada pasaran terbuka yang terdiri daripada graduan lepasan universiti untuk pengisian jawatan PPP dan PPPT serta calon-calon lepasan SPM/PMR dan kelayakan akademik yang setaraf untuk pengisian jawatan AKP. Selain itu, SPP juga menguruskan pengambilan dan pelantikan tetap calon-calon tajaan KPM yang telah tamat pengajian di Institut Pendidikan Guru (IPG) ke jawatan PPP. Senarai skim perkhidmatan yang pelantikannya diuruskan oleh SPP adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**: Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diuruskan Oleh SPP

| JAWATAN |
|---|
| **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| PPP GRED DG41 |
| PPPT GRED DH41, DH47, DH51 & DH53 |
| **ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA** |
| PPP GRED DG29 |
| PPPT GRED DH29, DH31 & DH33 |
| PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N19 |
| PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W19 |
| PENYELIA ASRAMA GRED N19 |
| PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N19 |
| PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N19 |
| PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C19 |
| PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11 |
| PEMANDU KENDERAAN GRED H11 |

Secara keseluruhan, SPP menerima sebanyak **1,050,072** permohonan melalui mySPP pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, **25,606** orang calon telah dipanggil temu duga dan **14,292** orang calon telah ditawarkan pelantikan.

Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh SPP adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 3**. Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan ditunjukkan di **Carta 1**.

**Jadual 3:** Bilangan Permohonan, Temu Duga dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT dan AKP bagi Tahun 2021

| URUSAN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| PERMOHONAN | 329,249 | 225,885 | 494,938 | **1,050,072** |
| TEMU DUGA | 23,997 | 1,599 | 10 | **25,606** |
| TAWARAN PELANTIKAN | 13,378 | 138 | 776 | **14,292** |

**Carta 1:** Perbandingan Urusan Pelantikan Mengikut Kategori / Skim Perkhidmatan bagi Tahun 2021




## Urusan Pengambilan Skim Perkhidmatan PPP

Urusan pengambilan dan pelantikan tetap PPP bagi tahun 2021 adalah terdiri daripada calon-calon berikut:

i. Graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) daripada IPGM
ii. Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) daripada UA
iii. Graduan Program Pelajar Cemerlang (PPC) Tajaan KPM
iv. Graduan Program Kembar Pra-Perkhidmatan (PKP) Tajaan KPM
v. Graduan Skim Latihan Tenaga Pengajar Program Matrikulasi (SLTPPM) Tajaan KPM
vi. Guru Kontrak Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
vii. Guru Lantikan Kontrak

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4:** Urusan Pengambilan PPP bagi Tahun 2021

| WILAYAH \ URUSAN | PERMOHONAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| **PPP DG41 DAN PPP DG29** | | | |
| SEMENANJUNG | 271,506 | 22,151 | 10,230 |
| SABAH & WP LABUAN | 32,080 | 897 | 1,546 |
| SARAWAK | 25,663 | 949 | 1,602 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **329,249** | **23,997** | **13,378** |

** Tawaran pelantikan juga merangkumi calon simpanan pada tahun sebelumya*

## Urusan Pengambilan PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2021 melibatkan calon daripada pasaran terbuka dan perangkaan urusan pengambilan PPPT adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5:** Urusan Pengambilan PPPT bagi Tahun 2021

| WILAYAH \ URUSAN | PERMOHONAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| **PPPT DH41** | | | |
| SEMENANJUNG | 118,258 | 1,535 | 132 |
| SABAH & WP LABUAN | 9,786 | 21 | 1 |
| SARAWAK | 8,154 | 43 | 5 |
| JUMLAH | 136,198 | 1,599 | 138 |
| **PPPT DH29** | | | |
| SEMENANJUNG | 76,796 | 0 | 0 |
| SABAH & WP LABUAN | 7,003 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 5,888 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 89,687 | 0 | 0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **225,885** | **1,599** | **138** |

## Urusan Pengambilan AKP

SPP melaksanakan pengambilan AKP secara pasaran terbuka berdasarkan permohonan sepanjang masa yang dibuat oleh calon-calon melalui mySPP. Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat SPM/PMR dan kelayakan akademik yang setaraf. Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**: Urusan Pengambilan AKP bagi Tahun 2021

| WILAYAH / URUSAN | PERMOHONAN | TEMU DUGA | TAWARAN PELANTIKAN |
|---|---|---|---|
| **PEMBANTU TADBIR (PO) N19** | | | |
| SEMENANJUNG | 90,790 | 2* | 160** |
| SABAH & WP LABUAN | 20,659 | 1* | 50** |
| SARAWAK | 16,212 | 0 | 60** |
| **JUMLAH** | **127,661** | **3** | **270** |
| **PEMBANTU TADBIR (KEW) N19** | | | |
| SEMENANJUNG | 25,550 | 0 | 0 |
| SABAH & WP LABUAN | 5,250 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 3,411 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **34,211** | **0** | **0** |
| **PEMBANTU PENGURUSAN MURID N19** | | | |
| SEMENANJUNG | 65,677 | 0 | 283** |
| SABAH & WP LABUAN | 17,944 | 0 | 65** |
| SARAWAK | 15,818 | 0 | 60** |
| **JUMLAH** | **99,439** | **0** | **408** |
| **PEMBANTU MAKMAL C19** | | | |
| SEMENANJUNG | 53,006 | 3 | 3 |
| SABAH & WP LABUAN | 11,342 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 10,943 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **75,291** | **3** | **3** |
| **PENYELIA ASRAMA N19** | | | |
| SEMENANJUNG | 34,222 | 0 | 0 |
| SABAH & WP LABUAN | 9,694 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 11,790 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **55,706** | **0** | **0** |
| **PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN N19** | | | |
| SEMENANJUNG | 31,211 | 0 | 0 |
| SABAH & WP LABUAN | 5,829 | 0 | 0 |
| SARAWAK | 4,337 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **41,377** | **0** | **0** |
| **PEMBANTU OPERASI N11** | | | |
| SEMENANJUNG | 31,898 | 3* | 79** |
| SABAH & WP LABUAN | 8,297 | 1* | 2** |
| SARAWAK | 6,871 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **47,066** | **4** | **81** |
| **PEMANDU KENDERAAN H11** | | | |
| SEMENANJUNG | 9,956 | 0 | 9 |
| SABAH & WP LABUAN | 2,232 | 0 | 5 |
| SARAWAK | 1,999 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **14,187** | **0** | **14** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **494,938** | **10** | **776** |

** Pegawai Kontrak di SABK yang memenuhi syarat untuk pelantikan tetap.*
*** Pelantikan tetap calon simpanan tahun 2020.*

Selain itu, SPP juga melaksanakan pelantikan tetap AKP di SABK yang telah memenuhi syarat skim perkhidmatan. Perangkaan urusan pelantikan tetap AKP SABK bagi tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7:** Urusan Pengambilan AKP di SABK Tahun 2021

| JAWATAN / URUSAN | PT (P/O) GRED N19 | PPM GRED C19 | PO GRED N11 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| TEMU DUGA | 2 | 3 | 3 | 8 |
| TAWARAN PELANTIKAN | 2 | 3 | 3 | 8 |

## Perbandingan Urusan Pengambilan PPP, PPPT dan AKP

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2019 hingga 2021 adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Carta 2, 3 dan 4**

**Carta 2:** Perbandingan Urusan Pengambilan PPP bagi Tahun 2019 hingga 2021



**Carta 3:** Perbandingan Urusan Pengambilan PPPT bagi Tahun 2019 hingga 2021




**Carta 4:** Perbandingan Urusan Pengambilan AKP bagi Tahun 2019 hingga 2021




PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Urusan Perkhidmatan



# Urusan Perkhidmatan

## Urusan Pengesahan Pelantikan

SPP telah mengesahkan pelantikan seramai **10,866 Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP)** pada tahun 2021. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 8** dan perbandingan pengesahan pelantikan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2021 seperti di **Carta 5**.

**Jadual 8:** Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2021

| WILAYAH | JAWATAN | | | JUMLAH URUSAN MENGIKUT WILAYAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| SEMENANJUNG | 6,037 | 150 | 1,896 | **8,083** |
| SABAH & WP LABUAN | 973 | 15 | 124 | **1,112** |
| SARAWAK | 1,544 | 17 | 110 | **1,671** |
| **JUMLAH URUSAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN** | **8,554** | **182** | **2,130** | **10,866** |

**Carta 5:** Perbandingan Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2021



## Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2021, SPP telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan kepada **8,453 orang APP** berdasarkan Peraturan 29 dan 37, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 9**. Perbandingan pengesahan dalam perkhidmatan mengikut kumpulan jawatan bagi tahun 2021 seperti di **Carta 6**.

**Jadual 9:** Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2021

| WILAYAH | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| SEMENANJUNG | 5,035 | 38 | 1,216 | **6,289** |
| SABAH & WP LABUAN | 898 | 17 | 131 | **1,046** |
| SARAWAK | 948 | 10 | 160 | **1,118** |
| **JUMLAH** | **6,881** | **65** | **1,507** | **8,453** |

**Carta 6:** Perbandingan Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2021



## Urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan

Seramai **124 orang APP** telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan oleh SPP pada tahun 2021 mengikut Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 10**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2021 adalah seperti di **Carta 7.**

**Jadual 10:** Urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP bagi Tahun 2021

| WILAYAH | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| SEMENANJUNG | 14 | 0 | 70 | **84** |
| SABAH & WP LABUAN | 9 | 0 | 8 | **17** |
| SARAWAK | 12 | 0 | 11 | **23** |
| **JUMLAH URUSAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN** | **35** | **0** | **89** | **124** |

**Carta 7:** Perbandingan Urusan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP bagi Tahun 2021




## Urusan Pemberian Taraf Berpencen

SPP telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada **5,726 orang APP** pada tahun 2021 yang dilaksanakan mengikut Peraturan 38, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 11**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2021 seperti di **Carta 8**.

**Jadual 11:** Urusan Pemberian Taraf Berpencen APP bagi Tahun 2021

| WILAYAH | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| SEMENANJUNG | 3,061 | 37 | 1,318 | **4,416** |
| SABAH & WP LABUAN | 597 | 29 | 104 | **730** |
| SARAWAK | 396 | 23 | 150 | **569** |
| **JUMLAH** | **4,054** | **89** | **1,572** | **5,715** |

**Carta 8:** Perbandingan Urusan Pengesahan Pelantikan APP bagi Tahun 2021




## Urusan Penamatan Perkhidmatan

Pada tahun 2021, **tiada notis penamatan** yang dikeluarkan oleh SPP kepada pegawai berdasarkan Peraturan 50(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkaitan.

## Urusan Pertukaran Pelantikan

Pertukaran pelantikan merupakan tatacara pelantikan yang dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan pegawai ke Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan atau ke skim perkhidmatan yang sama/berlainan tanpa melalui proses pelantikan biasa. Sepanjang tahun 2021, SPP telah meluluskan **lima (5) urusan pertukaran pelantika**n di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016.

## Urusan Pelantikan Secara Pertukaran Sementara

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pasukan Polis dan Perkhidmatan Pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Bagi tahun 2021, SPP telah melaksanakan urusan berkaitan pelepasan pertukaran sementara seramai **123 orang APP** bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar perkhidmatan pendidikan. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Maklumat pelepasan untuk pertukaran sementara mengikut skim perkhidmatan bagi tahun 2021 adalah seperti **Jadual 12**.

**Jadual 12:** Urusan Pelepasan Untuk Pertukaran Sementara APP bagi Tahun 2021

| URUSAN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| Pelepasan bagi Urusan Pertukaran Sementara | 29 | 9 | 3 | **41** |
| Pelepasan bagi Pelanjutan Urusan Pertukaran Sementara | 12 | 4 | 0 | **16** |
| Pemendekan bagi Urusan Pertukaran Sementara | 62 | 2 | 2 | **66** |
| **JUMLAH** | **103** | **15** | **5** | **123** |

## Urusan Pelantikan Secara Peminjaman

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam Perkhidmatan Angkatan Tentera, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pasukan Polis dan Perkhidmatan Pendidikan ke Perkhidmatan Awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

SPP sebagai PBM telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman seramai **34 orang APP** untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah PBM yang lain seperti Perkhidmatan Angkatan Tentera, Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan, Pasukan Polis dan Perkhidmatan Pendidikan atau Perkhidmatan Awam bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Maklumat pelepasan untuk peminjaman bagi tahun 2021 adalah seperti **Jadual 13**.

**Jadual 13:** Urusan Pelepasan Untuk Pelantikan Secara Peminjaman APP bagi Tahun 2021

| URUSAN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| Pelepasan bagi Urusan Peminjaman | 19 | 0 | 0 | **19** |
| Pelepasan bagi Pelanjutan Urusan Peminjaman | 10 | 0 | 1 | **11** |
| Pemendekan bagi Urusan Peminjaman | 4 | 0 | 0 | **4** |
| **JUMLAH** | **33** | **0** | **1** | **34** |

## Urusan Pelantikan Secara Pertukaran Tetap

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah kaedah pelantikan secara tetap pegawai yang sedang dipinjam / ditukar sementara ke jawatan yang disandang di agensi peminjam. Sepanjang tahun 2021, terdapat **satu (1) urusan** pertukaran tetap ke agensi peminjam atas kepentingan perkhidmatan agensi berkenaan yang dilaksanakan. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008.

## Urusan Pelantikan Kontrak

Selain pelantikan tetap, SPP juga turut membuat pelantikan secara kontrak yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016. Sepanjang tahun 2021, **sebanyak 161 urusan pelantikan semula dilaksanakan yang melibatkan 145 urusan PPP dan 16 urusan AKP. Maklumat urusan pelantikan kontrak bagi tahun 2021 adalah seperti Jadual 14**.

**Jadual 14:** Urusan pelantikan kontrak bagi Tahun 2021

| URUSAN | JAWATAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | AKP | |
| SEMENANJUNG | 83 | 15 | 98 | **19** |
| SABAH & WP LABUAN | 62 | 1 | 63 | **11** |
| SARAWAK | 0 | 0 | 0 | **4** |
| **JUMLAH** | **145** | **16** | **161** | **34** |

## Urusan Kembali ke Skim Perkhidmatan Terdahulu

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain. Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan mestilah diperoleh dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa PBM yang sama. Namun begitu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan.


IDMATAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SETIAUSAHA

# Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib



# Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib

## Tindakan Tatatertib

Bagi tahun 2021, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **31 kes tatatertib** merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 15**. Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2021 ditunjukkan di **Carta 9**.

**Jadual 15:** Kes Tatatertib bagi Tahun 2021

| KATEGORI KES TATATERTIB | JAWATAN | | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | PPP | PPPT | |
| Tidak Hadir Bertugas | 5 | - | **5** |
| Tatakelakuan | 2 | - | **2** |
| Sabitan Mahkamah | 23 | 1 | **24** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **30** | **1** | **31** |

**Carta 9:** Kes Tatatertib bagi Tahun 2021




Pecahan menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 16** yang berikut:

**Jadual 16:** Hukuman Tatatertib (Am dan Jenayah) bagi Tahun 2021

| HUKUMAN TATATERTIB | | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Amaran | 5 |
| 2. | Amaran dan Denda | - |
| 3. | Amaran, Denda dan Lucut Hak Emolumen | - |
| 4. | Amaran, Lucut Hak Emolumen dan Turun Gaji | 1 |
| 5. | Amaran, Lucut Hak Emolumen dan Tangguh Pergerakan Gaji | - |
| 6. | Amaran dan Turun Gaji | 4 |

| | HUKUMAN TATATERTIB | JUMLAH |
|---|---|---|
| 7. | Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji | 1 |
| 8. | Amaran, Lucut Hak Emolumen dan Buang Kerja | 1 |
| 9. | Lucut Hak Emolumen | - |
| 10. | Lucut Hak Emolumen dan Turun Gaji | - |
| 11. | Lucut Hak Emolumen dan Tangguh Pergerakan Gaji | - |
| 12. | Lucut Hak Emolumen dan Turun Pangkat | - |
| 13. | Lucut Hak Emolumen dan Buang Kerja | 4 |
| 14. | Turun Pangkat | - |
| 15. | Buang Kerja | 14 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **30** |

** Terdapat satu (1) kes tatatertib berkeputusan tiada hukuman*

## Pewartaan

Sepanjang tahun 2021, SPP telah bersetuju mewartakan empat (4) orang pegawai bagi jumlah kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## Perintah Tahan Kerja Dan Perintah Gantung Kerja

**Perintah Tahan Kerja (PTK)** dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

i. prosiding jenayah; atau

ii. prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Manakala **Perintah Gantung Kerja (PGK)** pula dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

i. pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau

ii. suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 Telah Dibuat Terhadap Pegawai.

Pada tahun 2021, SPP telah meluluskan sebanyak **21 PTK** dan sebanyak **24 PGK** seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17:** Kelulusan Perintah Tahan Kerja dan Perintah Gantung Kerja bagi Tahun 2021

| JENIS KESALAHAN | PERINTAH | |
|---|---|---|
| | PTK | PGK |
| Akta Pencegahan Rasuah 1997 / Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 | 0 | 1 |
| Kesalahan di Bawah Kanun Keseksaan / Undang-undang Lain | 21 | 19 |
| Kesalahan Jenayah di Bawah Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Atau Enakmen Undang-undang Islam | 0 | 4 |
| **JUMLAH** | **21** | **24** |

## Rayuan Tatatertib

Pada tahun 2021, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak **183 kes rayuan tatatertib** bagi APP seperti di **Jadual 18**. Manakala pecahan peratusan keputusan rayuan tatatertib bagi tahun 2020 ditunjukkan di **Carta 10**.

**Jadual 18:** Keputusan Kes Rayuan Tatatertib bagi Tahun 2021

| HUKUMAN TATATERTIB | JUMLAH |
|---|---|
| Menghantar Balik Kes Kepada Lembaga Tatatertib Untuk Ditimbang Semula | 2 |
| Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib | 168 |
| Mengesahkan Keputusan Lembaga Tatatertib Tentang Salah Laku Perayu Tetapi Mengubah Hukuman Kepada Hukuman Yang Lebih Ringan | 3 |
| Mengakas Keputusan Dan Hukuman Lembaga Tatatertib dan Membebaskan Perayu | 10 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **183** |

**Carta 10:** Pecahan Peratusan Keputusan Rayuan Tatatertib bagi Tahun 2021




## Rayuan Kenaikan Pangkat

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah mempertimbangkan sebanyak **tiga (3) rayuan kenaikan pangkat**. Rayuan kenaikan pangkat bagi tahun 2021 yang diterima daripada APP adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19:** Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat APP bagi Tahun 2021

| JENIS KESALAHAN | PERINTAH | |
|---|---|---|
| | RAYUAN DITOLAK | RAYUAN DITERIMA |
| PPP Gred DG48 ke Gred DG52 | 1 | 0 |
| PPP Gred DG44 ke Gred DG48 | 1 | 0 |
| PPP Gred DG41 ke Gred DG44 | 0 | 1 |
| **JUMLAH** | **2** | **1** |

# Pengurusan Maklumat



# Pengurusan Maklumat

## Perubahan Platform Perkhidmatan E-Mel MyGovUC 2.0

Pelaksanaan solusi baharu ini bertujuan memastikan perkhidmatan e-mel MyGovUC 2.0 yang disediakan oleh Kerajaan memenuhi keperluan semasa selaras dengan Pelan Pendigitalan Strategik Sektor Awam.

Selain itu, pelaksanaan ini juga bertujuan untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan komunikasi dan kolaboratif MyGovUC 2.0 mencapai tahap optimum agar penggunaan perkhidmatan MyGovUC 2.0 di kalangan penjawat awam dapat ditingkatkan secara menyeluruh dan selamat untuk digunakan.

Perubahan platform e-mel dari *icewarp* kepada penggunaan *Google Work Space* - GWS telah dilaksanakan secara berfasa mengikut agensi bermula 26 November 2021.

SPP akan melaksanakan penggunaan platform e-mel GWS sepenuhnya pada tahun awal tahun 2022.




Perubahan platform dan perkhidmatan e-mel MyGOVUC

## Klinik E-Mel MyGovUC 2.0

Susulan pertukaran platform e-mel tersebut, pada 17 hingga 23 Disember 2021, Bahagian Pengurusan Maklumat telah mengadakan sesi klinik e-mel MyGovUC 2.0 bagi membantu warga SPP yang menghadapi masalah ekoran migrasi e-mel dari platform lama (*Icewarp*) ke platform baharu (*Google Work Space* - GWS). Sesi ini telah diadakan di Bilik Latihan Aras 4, SPP. Seramai 39 orang telah menghadiri klinik tersebut.




**Hebahan Klinik**

## Sesi Simulasi Perkhidmatan Pemulihan Bencana Aplikasi Kritikal SPP

Bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan agensi tidak terjejas, satu sesi simulasi telah diadakan pada 1 Disember 2021 melibatkan beberapa aplikasi utama iaitu Portal Rasmi SPP, Sistem Pengambilan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP), eSPP dan Sistem Pemarkahan Temu duga (SPTD). Simulasi telah dilaksanakan secara *remote* ke Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Enstek untuk menguji ketersediaan sistem utama SPP.





**Sesi Simulasi Pemulihan Bencana**

## Latihan Pengaturcaraan Laravel

Latihan yang melibatkan pengaturcaraan amat penting bagi meningkatkan kepakaran dalaman Pegawai IT di Bahagian Pengurusan Maklumat. Sehubungan itu, satu sesi latihan telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2021 bertempat di Bilik Latihan, Aras 4, SPP. Latihan ini dapat meningkatkan lagi kemahiran Penolong Pegawai Teknologi Maklumat selain menambah pengetahuan berkenaan bahasa pengaturcaraan dan teknologi semasa yang digunakan untuk pembangunan sistem. Latihan telah dikendalikan oleh Syarikat Inter XS Sdn. Bhd. melalui kontrak sedia ada penyelenggaraan Sistem Pengambilan & Perkhidmatan (eSPP).




**Pengaturcaraan Laravel**

# Urus Setia Cawangan Sabah



# Urus Setia Cawangan Sabah



## 1
## LAWATAN KERJA PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH & WP LABUAN (JPNS) KE SPP USC SABAH & WP LABUAN PADA 10 SEPTEMBER 2021

Perbincangan antara SPP dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) berhubung penyelarasan isu-isu berbangkit antara SPP dan JPNS.

## 2
## PEMANTAUAN MyGov*.Net OLEH MAMPU PADA 13 OKTOBER 2021



Pemeriksaan dan ujian kestabilan talian MyGov*.Net dalam bilik pelayan SPP.



En. Yakub Termin (dua dari kiri) mengetuai pasukan pemantauan MyGov*.Net dari MAMPU dan TM.

# 3
## LAWATAN KERJA SETIAUSAHA SPP KE USC SABAH & WP LABUAN PADA 29 OKTOBER 2021

Perbincangan antara SPP dan wakil Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) berhubung penyelarasan isu-isu berbangkit antara SPP dan JPNS.









Tuan Setiausaha SPP meluangkan masa meninjau keadaan ruang pejabat USCS.



Tuan Setiausaha SPP menyampaikan sumbangan kepada sebahagian warga USCS yang terjejas akibat Pandemik Covid-19.

# 4
## INSPEKTORAT ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN (IAKKP) OLEH CGSO PADA 30 NOVEMBER 2021






Sesi perbincangan dan rumusan dapatan inspektorat keselamatan perlindungan.



Pegawai CGSO Sabah sedang menjalankan inspektorat keselamatan perlindungan di USCS.

# Urus Setia Cawangan Sarawak



# Urus Setia Cawangan Sarawak

## Temu Duga Anggota Perkhidmatan Pendidikan (AKP)

Mulai tahun 2021, SPP USC Sarawak menguruskan secara penuh pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 bagi graduan kelahiran Sarawak. Urusan pengambilan ini juga mengambil kira pengambilan bagi Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41 dan Anggota Kakitangan Sokongan(AKP) di Sarawak. Bagi tahun 2021, SPP USC Sarawak telah melaksanakan pengambilan PPP Gred DG41 dan PPPT Gred DH41 seperti perincian berikut;

i. Temu Duga Pelantikan Tetap Calon Graduan Universiti Awam Kelahiran Sarawak Ke Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Bagi Pengambilan Tahun 2020 pada 19 hingga 23 April 2021;

ii. Temu Duga Pelantikan Tetap Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41 Di Negeri Sarawak pada 4 hingga 6 Mei 2021;

iii. Temu Duga Pelantikan Tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (Graduan Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia) Di Negeri Sarawak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada 8 Julai 2021;

iv. Temu Duga bagi Calon Guru Interim Gred DC41 ke jawatan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 di Negeri Sarawak pada 28 hingga 30 Julai 2021; dan

v. Temu Duga bagi Calon Guru Interim Gred DC41 (Senarai KPM) ke jawatan tetap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 di Negeri Sarawak pada 20 Disember 2021.







Kerjasama daripada unit ICT dari agensi di bawah KPM dan KPT yang membantu SPP dalam menjayakan temu duga secara dalam talian



Kerjasama daripada unit ICT dari agensi di bawah KPM dan KPT yang membantu SPP dalam menjayakan temu duga secara dalam talian




Setiausaha Bahagian bersama PSU Pengambilan memantau permasalahan yang berlaku semasa temu duga berjalan.



Sesi temu duga secara dalam talian sedang berjalan




Urusetia yang bertugas sewaktu sesi temu duga



Pengerusi Temu Duga sedang menjalankan sesi temu duga secara dalam talian




Sesi perbincangan secara dalam talian di antara Pengerusi Temu Duga dan Wakil Jabatan setelah urusan temu duga selesai dijalankan

## Taklimat Penetapan Gaji Permulaan Untuk Anggota Perkhidmatan Pendidikan

i. Tujuan taklimat diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkaitan perkara-perkara yang melibatkan penetapan gaji permulaan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP). Perkara-perkara berkaitan ialah undang-undang, peraturan, proses dan prosedur yang berkaitan dan peranan Pihak Berkuasa Melantik.

ii. Peserta taklimat terbahagi kepada dua kumpulan sasar iaitu pegawai-pegawai yang melaksanakan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan di sekolah dan Pejabat Pendidikan Bahagian (PPD), Kolej Komuniti dan Politeknik di negeri Sarawak.

iii. Pelaksanaan taklimat ini adalah secara dalam talian dan diadakan selama 3 hari melalui 6 sesi berasingan pada tarikh berikut:
   - 14 hingga 15 September 2021 yang melibatkan 452 orang peserta dari sekolah menengah dan Pejabat Pendikan Bahagian di seluruh negeri Sarawak; dan
   - 28 September 2021 yang melibatkan 23 orang peserta dari Kolej Komuniti dan Politeknik di negeri Sarawak.

## Naziran Urusan ePROPER

Naziran Urusan Perkhidmatan telah diadakan di SPP USC Sarawak pada 26 hingga 28 Januari 2021 yang melibatkan semakan urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) di Kuching. Sejumlah 191 urusan telah disemak yang merangkumi 6 urusan Pengesahan Perlantikan (PPT), 18 urusan Perlanjutan Tempoh Percubaan (PTP), 80 urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) dan 87 urusan Pemberian Taraf Berpencen (PTB).

## Lawatan Kerja Setiausaha SPP Ke SPP Urus Setia Cawangan Sarawak Pada 10 – 12 November 2021

YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP telah mengadakan lawatan kerja ke SPP Urus Setia Cawangan Sarawak pada 10-12 November 2021. Pengisian program dimulakan dengan Sesi Kunjungan Hormat Setiausaha SPP kepada YBhg. Dato' Amir bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak pada 11 November 2021 jam 10.00 pagi. Sesi ini bertujuan untuk menerangkan fungsi dan peranan SPP secara am dan khusus di negeri Sarawak dan membincangkan urusan ruang pejabat SPP USC Sarawak yang mana kontrak penyewaan semasa dijadualkan tamat pada 15 November 2022.

Selanjutnya, pada 12 November 2021, YBrs. Setiausaha SPP mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan Berkala Setiausaha SPP bersama warga SPP Urus Setia Cawangan Sarawak Bil.2/2021. Program diakhiri dengan lawatan dan tinjauan Setiausaha SPP ke sekitar pejabat SPP USC Sarawak Aras 3 dan Aras 4.



Sesi Kunjungan Hormat Setiausaha SPP kepada YBhg. Dato' Amir bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak pada 11 November 2021.

Seterusnya, sesi Libat Urus Pengambilan dan Perkhidmatan SPP bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak diadakan pada 11 November 2021 jam 2.00 petang. Program ini bertujuan untuk berkongsi pandangan dan membincangkan urusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), urusan perjawatan dan urusan perkhidmatan peringkat Negeri Sarawak.




Sesi Libat Urus Pengambilan dan Perkhidmatan SPP bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak pada 11 November 2021



Mesyuarat Pengurusan Berkala Setiausaha SPP bersama warga SPP Urus Setia Cawangan Sarawak Bil.2/2021 pada 12 November 2021.





Lawatan dan tinjauan Setiausaha SPP ke sekitar pejabat SPP USC Sarawak Aras 3 dan Aras 4 pada 12 November 2021

## Pertandingan Jaguh Jeraya JPJ Sarawak Sempena Sambutan Bulan Inovasi, Peringkat Negeri Sarawak

SPP USC Sarawak telah menyertai Pertandingan Jaguh Jeraya, JPJ Sarawak, Sempena Sambutan Bulan Inovasi Peringkat Negeri Sarawak pada 12 Oktober 2021. Pasukan SPP USC Sarawak telah merangkul Juara Keseluruhan daripada 10 agensi/jabatan Persekutuan dan Negeri yang menyertai pertandingan. Mewakili SPP USC Sarawak ialah:

i. Encik Frische Kuleh Engan – PSU, Gred M44

ii. Puan Siti Aishah binti Dahlan – PT(P/O), Gred N22

iii. Encik Jalin Anak Saran - Pemandu Kenderaan, Gred H11




Peserta mewakili SPP USC Sarawak




Peserta SPP USC Sarawak bersama Hadiah Kemenangan Pertandingan Jaguh Jeraya, JPJ Sarawak




Majlis Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Amir bin Omar, Setiausaha Persekutuan Sarawak

## Laporan Kelab Rekreasi SPP Sarawak

Pada tahun 2021 Kelab Rekreasi SPP Sarawak (KRSPP) mengambil inisiatif melaksanakan Program Semarak Kasih KRSPP Sarawak Tahun 2021. Program ini bertujuan untuk membantu ahli kelab dan masyarakat luar yang memerlukan melalui sumbangan tenaga, bakul makanan dan wang ringgit. Sasaran sumbangan dan bantuan adalah ahli kelab, golongan kelainan upaya, ibu tunggal, warga emas, warga miskin dan golongan yang terjejas sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19. Program ini dilaksanakan mulai bulan Ogos Tahun 2021 dan secara berterusan sehingga bulan Disember Tahun 2021 tertakluk kepada SOP Pelan Pemulihan Negara yang berkuat kuasa.



YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP menyempurnakan Pelancaran Program Semarak Kasih KRSPP Sarawak Tahun 2021 dan penyerahan sumbangan kepada golongan yang memerlukan pada 12 November 2021.









AJK KRSPP menyerahkan sumbangan dan bantuan kepada golongan kelainan upaya, ibu tunggal, warga emas, warga miskin dan golongan yang terjejas sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19.

# Prestasi Kewangan



# Prestasi Kewangan

SPP diperuntukkan sebanyak **RM22,584,500.00** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2021 dengan jumlah **perbelanjaan emolumen** sebanyak **RM16,900,160.00** dan **perbelanjaan tanpa emolumen sebanyak RM5,684,340.00**. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM21,144,402.00** yang bersamaan **93.62%**. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 20** dan perbandingan bagi Bajet T10 dan B40 bagi tahun 2021 seperti **Carta 11.**

**Jadual 20:** Perbandingan Peratus Peruntukan T10 dan B40 bagi Tahun 2021

| PERKARA / MAKSUD | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | PERBELANJAAN EMOLUMEN (RM) | PERBELANJAAN TANPA EMOLUMEN (RM) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) | PERATUS PERBELANJAAN (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| T10 | 5,041,900 | 4,064,600 | 977,300 | 4,542,771 | 90.10 |
| B40 | 17,542,600 | 12,835,560 | 4,707,040 | 16,601,631 | 94.64 |
| **JUMLAH** | **22,584,500** | **16,900,160** | **5,684,340** | **21,144,402** | **93.62** |

**Carta 11:** Perbandingan Perbelanjaan Peruntukan T10 dan B40 bagi Tahun 2019 - 2021



# Mesyuarat Suruhanjaya



# Mesyuarat Suruhanjaya

Pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan adalah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan 2007 [(P.U.A) 189/2007]. Sepanjang tahun 2021, **Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak 22 kali**, **Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 20 kali** dan **Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 8 kali.** Bilangan kertas mesyuarat yang telah dipertimbangkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 21** dan pecahan mengikut peratus adalah seperti di **Carta 12**.

**Jadual 21:** Bilangan Kertas Mesyuarat Suruhanjaya bagi Tahun 2021

| PERKARA | JUMLAH |
|---|---|
| MESYUARAT SURUHANJAYA | |
| KERTAS PENGAMBILAN | 60 |
| KERTAS PERKHIDMATAN | 152 |
| KERTAS TATATERTIB | 104 |
| KERTAS DASAR | 1 |
| MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB | |
| KERTAS RAYUAN TATATERTIB | 189 |
| MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT | |
| KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT | 4 |
| **JUMLAH KESELURUHAN KERTAS PERTIMBANGAN** | **510** |

**Carta 12:** Pecahan Bilangan Kertas Suruhanjaya Yang Telah Dibentangkan bagi Tahun 2021



Mesyuarat Suruhanjaya ke-1148 di Bilik Mesyuarat Utama, Kompleks F9 pada 23 November 2021 adalah merupakan Mesyuarat Suruhanjaya terakhir bagi YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof sebelum beliau menamatkan perkhidmatan sebagai Pengerusi SPP.






IDMATAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SETIAUSAHA

# Diari 2021


PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMA
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Diari 2021

**JANUARI** 4 Januari 2021

## Majlis Terima Tugas dan Taklimat Kepada Setiausaha Baharu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

**PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI.** Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mengalu-alukan YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim sebagai Setiausaha SPP yang baharu berkuat kuasa pada 4 Januari 2021. Majlis Terima Tugas telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP dan disaksikan oleh YBhg. Datuk Seri Azmi bin Lateh, Timbalan Pengerusi SPP.

YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim menggantikan YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh, Setiausaha SPP yang bersara wajib pada 1 Januari 2021. Sebelum dilantik sebagai Setiausaha SPP, YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim merupakan Timbalan Setiausaha (Pengambilan dan Perkhidmatan) SPP bermula 15 Mac 2018 sehingga 3 Januari 2021.

Satu sesi taklimat telah diadakan pada hari yang sama bagi memaklumkan semua urusan berkaitan termasuk hal ehwal pengurusan, pengambilan dan perkhidmatan kepada YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, selaku Ketua Jabatan.



YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim menandatangani surat terima tugas dan disaksikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof.



YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof menyerahkan surat terima tugas sebagai Setiausaha kepada YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim.




YBrs. Encik Md. Radzi bin Hashim bergambar bersama Tan Sri Pengerusi dan Pengurusan SPP.



YBrs. Encik Md. Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP diberikan taklimat oleh Pengurusan SPP selepas majlis terima tugas.

**JANUARI** 4 Januari 2021

## Kunjungan Hormat YBrs. Encik Md. Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP Kepada YBrs. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM

Kunjungan Hormat YBrs. Encik Md. Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP kepada YBhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM pada 4 Januari 2021 hari Isnin di Blok B8, Kompleks Setia Perdana, jam 3.30 petang.








6 Januari 2021 JANUARI

## Kunjungan Hormat YBrs. Encik Md. Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP Kepada YBrs. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara.

Kunjungan Hormat YBrs. Encik Md. Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP kepada YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara pada 6 Januari 2021 hari Rabu di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, jam 8.30 pagi.







9 Februari 2021 FEBRUARI

## Angkat Sumpah Ahli Suruhanjaya Baharu

Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan dan Sumpah Taat Setia bagi YBhg. Dato' Dr. Zailan binti Dato' Haji Adnan dan YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad telah diadakan pada 9 Februari 2021 di hadapan YA Datuk Seri Haji Mohd Zawawi bin Salleh, Hakim Mahkamah Persekutuan.









**FEBRUARI** 10 Februari 2021

## Majlis Amanat 2021 Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

**BERAT SAMA DIPIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING.** Itu antara pesanan YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof semasa Majlis Amanat 2021 Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) pada 10 Februari 2021. Hadirnya 2021 dilihat seperti diberi nafas baru setelah Negara dilanda Pandemik COVID-19 yang turut memberi kesan kepada perkhidmatan awam.

Istimewa pada tahun ini, majlis amanat ini dipancarkan secara langsung menerusi aplikasi *Facebook Live* sebagai usaha menyambut saranan Kerajaan dalam menyantuni transformasi norma baharu. Langkah ini juga dilihat dapat mengurangkan interaksi dalam kalangan warga SPP berbanding penganjuran secara fizikal dan bersemuka.

Perancangan urusan temu duga bagi pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) selain program-program *outreach* seperti program bersepadu serta taklimat urusan temu duga bersama Universiti Awam turut diperincikan oleh YBhg. Tan Sri Pengerusi menerusi amanat beliau.







YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP menyampaikan Amanat 2021 tanpa kehadiran warga secara fizikal sebagai usaha mengekang penularan pandemik COVID-19 dan dipancarkan secara langsung melalui aplikasi *Facebook Live* pada 10 Februari 2021

**FEBRUARI** 11 Februari 2021

## Ceramah Tips Pembelian *Online*

Ceramah Tips Pembelian *Online* diberikan oleh penceramah jemputan adalah Puan Rahayu binti Zainal Abidin, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ceramah tersebut diadakan secara maya dan dihadiri oleh peserta dalam kalangan warga SPP.

17 Februari 2021 Hingga 12 Mac 2021 **FEBRUARI**

## Temu Duga Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Pasaran Terbuka Dari Kalangan Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP)








10 Februari 2021 **FEBRUARI**

## Ceramah *Mental Health Awareness*

Ceramah '*Mental Health Awareness*' diadakan secara maya oleh penceramah jemputan, Encik Ahmad Azam bin Hj. Hassan daripada Bahagian Sumber Manusia Jabatan Perdana Menteri kepada peserta dalam kalangan warga SPP.

**MAC** **3 Mac 2021**

## Kunjungan Hormat Setiausaha SPP Kepada KSU Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)

Kunjungan Hormat Setiausaha SPP kepada KSU KKMM pada 3 Mac 2021 di Menara KKMM Presint 4, Putrajaya.



**MAC** **4 Mac 2021**

## Ceramah Pengurusan Stress Menghadapi PKP

Ceramah Pengurusan Stress Menghadapi PKP oleh penceramah jemputan, Encik Ahmad Azam bin Hj. Hassan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri. Ceramah ini diadakan secara maya dan dihadiri oleh peserta dalam kalangan warga SPP.

**23 Mac 2021** **MAC**

## Majlis Amanat 2021 Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

**KE BUKIT SAMA DIDAKI, KE LURAH SAMA DITURUNI.** Hala tuju dan rencana sepanjang tahun 2021 termasuk perancangan perkhidmatan teras serta program utama Jabatan disampaikan sendiri oleh YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, SPP selaku Ketua Jabatan dalam Majlis Amanat 2021 Setiausaha SPP pada 23 Mac 2021 di Dewan Damar Sari 3, Blok F8, Kompleks F Putrajaya.

Beliau juga menitipkan kepentingan bekerjasama antara Warga SPP, sentiasa mengadaptasi inovasi dalam urusan harian di pejabat dan pematuhan protokol kesihatan semasa dalam usaha mengekang penularan COVID-19 khususnya dalam persekitaran tempat kerja. Fokus penyampaian perkhidmatan mendepani pasca pandemik turut dikongsi.

Turut sama diadakan Majlis Anugerah Cemerlang (APC) tahun 2020 bagi Warga SPP. Seramai 18 orang pegawai SPP yang menunjukkan prestasi tinggi telah disenarai pendek oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) SPP bagi menerima APC tahun 2020. Penganugerahan ini melibatkan pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat, Urus Setia Cawangan (USC) Sabah dan Sarawak.

Pengisian program diteruskan dengan Wacana Ilmu dengan tajuk Kesejahteraan Psikologi dalam Norma Baharu. Wacana Ilmu ini disampaikan oleh YBhg. Dato' Pauzan bin Ahmar, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan tujuan untuk memberikan panduan kepada Warga SPP mendepani tugasan pasca Pandemik COVID-19.



YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP menyampaikan Amanat sempena Majlis Amanat 2021 Setiausaha SPP.



YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP menyampaikan Amanat sempena Majlis Amanat 2021 Setiausaha SPP.


Pengurusan Tertinggi bergambar bersama YBhg. Dato' Pauzan bin Ahmar dan Warga SPP semasa Majlis Amanat 2021 Setiausaha SPP.



YBhg. Dato' Pauzan bin Ahmar, Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA menyampaikan Wacana Ilmu – Kesejahteraan Psikologi dalam Norma Baharu.

**APRIL** 7– 9 April 2021

## Kursus Pengenalan & Asas Fotografi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

Kursus Pengenalan & Asas Fotografi telah dilaksanakan oleh penceramah jemputan, Encik Muhairul Azman bin Supian dari Jabatan Penerangan Malaysia bertempat di Bilik Latihan Komputer, Aras 4, Blok F9, Putrajaya.







**APRIL** 9 April 2021

## Majlis Bacaan Yasin KSRSPP 2021

Majlis Bacaan Yasin & Tazkirah Sempena Menyambut Ramadan 1442 Hijrah dianjurkan oleh KSRSPP-Biro Agama telah diadakan pada hari Jumaat, 9 April 2021 bertempat di Bilik Temuduga SPP Aras 1, Kompleks F9.

Penceramah jemputan adalah Ustaz Yus Mahadi bin Yusoff, Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan, JAKIM. Majlis ini telah dihadiri oleh Ahli Anggota Suruhanjaya, YBrs Setiausaha dan semua kakitangan SPP.








23 April 2021 **APRIL**

## Program Jom Membaca 10 Minit

Sebagai usaha menyahut Kempen Galakan Membaca (KGM), Perpustakaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mengadakan Program Jom Baca Bersama 10 Minit secara serentak di Ibu Pejabat, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan. Melalui program ini, semua Warga digalakkan untuk membaca apa jua bahan bacaan bermula pukul 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.

Sempena Kempen Galakan Membaca, Perpustakaan SPP juga mengadakan beberapa aktiviti yang menarik untuk Warga SPP seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22:** Aktiviti sempena Kempen Galakan Membaca Perpustakaan SPP

| BIL. | AKTIVITI | TEMPOH |
|---|---|---|
| 1. | Pameran Buku Baharu | Sepanjang Tahun |
| 2. | Pameran Bahan Dan Peralatan Jilidan | April-Julai 2021 |
| 3. | Pendaftaran Keahlian Perpustakaan SPP Untuk Ahli Baharu | Sepanjang Tahun |
| 4. | Promosi Pinjaman Bahan Perpustakaan SPP (Pinjaman 10 Bahan dapat satu (1) Novel/Bahan Ilmiah sebagai hadiah) | Sepanjang Tahun |
| 5. | "*Blind Date With A Book*" | Sepanjang Tahun |
| 6. | Pertandingan Teka Ketinggian Buku | April-Jun 2021 |
| 7. | Anugerah Peminjam Yang Terbanyak | Sepanjang Tahun |





YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP turut serta dalam Program Jom Membaca 10 Minit Perpustakaan SPP.




Pengurusan Tertinggi serta Setiausaha Bahagian turut serta Program Jom Membaca 10 Minit di Perpustakaan SPP.

**APRIL** April 2021

### Temu Duga Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Calon-Calon Yang Diperaku KPM




**APRIL** 28 April 2021

### Program Webinar Mengharungi Cabaran / Pasca Moratorium

Program Webinar Mengharungi Cabaran / Pasca Moratorium diadakan secara maya oleh Encik Ahmad Azam bin Hj. Hassan dari Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Perdana Menteri dan dihadiri oleh peserta di kalangan warga SPP.

29 April 2021 **APRIL**

## Edaran Bubur Lambuk

Edaran Bubur Lambuk anjuran KSRSPP-Biro kepada warga SPP bertempat di Aras 1 - 4, Kompleks F9.







5 Mei 2021 **MEI**

## Program Kembara Tazkirah YADIM

Program Kembara Tazkirah YADIM telah diadakan pada hari Rabu, 5 Mei 2021 bertempat di Bilik Temuduga SPP Aras 1, Kompleks F9. Penceramah jemputan adalah Ustaz Mohd. Khamis bin Mohamad Sani dari Yayasan Dakwah Islam.

Julai 2021 **JULAI**

## Temu Duga Pengambilan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41




**OGOS** 12 Ogos 2021

## Program Bakul Prihatin

Program Bakul Prihatin anjuran KSRSPP, Biro Kebajikan telah diadakan pada hari Selasa, 12 Ogos 2021 bertempat di Aras 4, Kompleks F9. Objektif pelaksanaan program ini adalah bagi meringankan beban ahli KSRSPP yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



















**8 September hingga 15 Disember 2021** **SEPTEMBER**

## Temu Duga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara *One-Off* Tahun 2021





**17 September April 2021** **SEPTEMBER**

## Kursus Penyediaan Dokumen Laporan Kes Pelanggaran Tatatertib Anjuran PPD Rompin Bersama SPP Secara Atas Talian

Penceramah bagi kursus ini adalah Encik Hazlan bin Hashim, Setiausaha Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib, SPP.



**SEPTEMBER** 29 September 2021

## Ceramah Pengurusan Harta (Zakat & Faraid)

Ceramah Pengurusan Harta (Zakat & Faraid) diadakan pada hari Rabu, 29 September 2021 ini diadakan secara maya oleh Ustaz Mohamad Syafiq bin Abdullah, Pengurus Kanan, Pusat Pungutan Zakat MAIWP dan dihadiri oleh peserta dalam kalangan warga SPP.

**OKTOBER** 4 Oktober 2021

## Taklimat Urusan Temu Duga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) DG41 2021 Secara *One-Off*

Taklimat Urusan Temu Duga Pengambilan Khas PPP DG41 2021 secara *one-off* telah diadakan pada 4 Oktober 2021 dan bertempat di Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Blok F9, Kompleks F, Putrajaya. Taklimat ini bertujuan untuk memberikan penerangan kepada KPM dan wakil jabatan mengenai strategi Pengambilan Khas dan ianya dilaksanakan secara hibrid.



Antara peserta Webinar Taklimat Urusan Temu Duga Pengambilan Khas PPP DG41 secara '*One-Off*'

**OKTOBER** 20 Oktober 2021

## Program Webinar Pengurusan Kewangan

Program Webinar Pengurusan Kewangan diadakan pada hari Rabu, 20 Oktober 2021. Ceramah tersebut diadakan secara maya dan dihadiri oleh peserta dalam kalangan warga SPP.

**OKTOBER** 28 – 30 Oktober 2021

## Lawatan Kerja Dan Sesi Libat Urus Pengambilan & Perkhidmatan SPP Bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

Lawatan Kerja dan Sesi Libat Urus Pengambilan & Perkhidmatan SPP bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah diadakan pada 28-30 Oktober 2021 dan bertempat di Kota Kinabalu, Sabah.

3 November 2021 **NOVEMBER**

## Mesyuarat Perhubungan Khas SPP Bersama KPM dan KPT Tahun 2021

Mesyuarat Perhubungan Khas yang dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Za'aba, Blok F9 ini diadakan adalah bagi mendapatkan kesepakatan dengan melihat isu-isu dasar dan peraturan yang memerlukan keputusan serta membincangkan dan meleraikan isu-isu yang melibatkan pelaksanaan bersama.

Lapan (8) orang wakil dari KPM dan tiga (3) orang wakil dari KPT hadir dalam mesyuarat ini samada secara fizikal dan secara dalam talian.











Wakil KPT, YBrs. Tuan Mansor bin Ibrahim @ Abd. Hamid dan Wakil KPM, YBrs. Datin Sri Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid menerima cenderahati dari pihak SPP





Wakil dari KPM dan KPT bergambar kenang-kenangan bersama wakil SPP

**NOVEMBER** 9 November 2021

## Perasmian Aplikasi F.I.K.I.R

**IBARAT YANG HAMPA BIAR TERBANG, YANG BERNAS BIAR TINGGAL.** Mendepani penularan Pandemik COVID-19, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) sentiasa mencari solusi dalam memastikan urusan harian dapat dilakukan dengan lebih efisien. Penyampaian perkhidmatan perlu terus diperkasa agar ia sesuai dengan situasi dan persekitaran semasa.

Sehubungan itu, mengambil semangat transformasi kepada norma baharu, SPP memperkenalkan Aplikasi Format Inisiatif, Kualiti, Inovasi dan Respon atau F.I.K.I.R pada 9 November 2021. Perasmian Aplikasi F.I.K.I.R disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP di Dewan Mesmera, Hotel Everly Putrajaya.

Aplikasi F.I.K.I.R ini merupakan migrasi komunikasi kepada platform digital dalam kalangan Warga SPP yang sebelum ini dilakukan secara konvensional. Bermula dengan pelancaran aplikasi ini, semua cadangan penambahbaikan kualiti dan inovasi boleh dibuat secara dalam talian. Melalui medium digital ini, urusan berkenaan akan lebih mudah dicapai dan dikawal selia oleh urus setia.











9 November 2021 **NOVEMBER**

## Majlis Apresiasi Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

### LAMBAIAN KASIH APRESIASI BUDI.

Pada 9 November 2021 bertempat di Dewan Mesmera Hotel Everly Putrajaya, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah mengadakan Majlis Apresiasi Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (ASJ) buat YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof dan YBhg. Datuk Muhiddin @ Mohd Anas bin Yusin yang tamat kontrak pada 26 November 2021.

Turut diraikan di dalam majlis tersebut adalah YBhg. Datuk Dr. Azmi bin Shapie dan YBhg. Dato' Haji Mohd Sani bin Mistam, Anggota Suruhanjaya (ASJ) yang telah tamat tempoh kontrak pada 3 Januari 2021. Majlis juga turut mengundang YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib, bekas Timbalan Pengerusi SPP yang tamat kontrak pada 16 April 2020.

SPP mewakili Kerajaan Malaysia dan seluruh Warga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen serta sumbangan yang telah diberikan oleh Pengerusi dan ASJ sepanjang tempoh tiga (3) tahun berkhidmat. Jasa bakti Pengerusi dan ASJ akan terus tersemat sebagai entiti yang bertanggungjawab memastikan SPP berfungsi penuh sebagai Pihak Kuasa Melantik sektor Pendidikan Negara.












YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP bergambar bersama Barisan ASJ dan Warga SPP semasa Majlis Apresiasi Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

11- 12 November 2021 NOVEMBER

## Kursus Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP)

Kursus ini dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha (Pengambilan & Perkhidmatan), YBrs. Puan Khairiah binti Ab. Rashid, manakala penceramah bagi kursus ini adalah Puan Azrina binti Abdul Hamid, Penasihat Undang-undang SPP.









**NOVEMBER** **13 November 2021**

## Program Kayuhan Santai KSRSPP 2021

Program Kayuhan Santai KSRSPP 2021 telah diadakan pada hari Sabtu, 13 November 2021 dan bertempat di Aras 1, Blok F9 dan sekitar Putrajaya.











22 November 2021 NOVEMBER

## Lawatan Biro Pengaduan Awam (BPA) ke SPP









**NOVEMBER** 26 November 2021

## Majlis *Clock Out* YBhg. Tan Sri Dr. Khair. bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP













**DISEMBER**

## Sesi Semakan Dokumen Calon-Calon Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 Secara *One-Off*









Urus Setia Temu Duga Bahagian Pengambilan

## DISEMBER

Akhir 2021 membawa erti yang berbeza kepada sesetengah warga SPP. Banjir yang melanda Negara telah meninggalkan kesan yang besar kepada mereka terutamanya kemusnahan harta benda serta kekurangan bekalan asas seperti makanan, pakaian dan air bersih.

SPP bersimpati dengan nasib yang menimpa warga SPP yang terjejas dengan tragedi banjir. Sukarelawan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan SPP turun padang bagi membersihkan kediaman serta menyumbang keperluan asas mangsa banjir.














22 Dec 2021, 09:03









# Aktiviti dan Pencapaian Utama SPP

## Program Webinar Bersepadu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidkan (SPP)

**BAGAI ISI DENGAN KUKU**, begitulah akrab dan muafakatnya Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dengan pelanggan dan pemegang taruhnya. Penularan Pandemik COVID-19 tidak mematahkan usaha SPP untuk terus berhubung dengan golongan sasar walaupun bukan melalui cara atau medium konvensional seperti sebelum ini.

Tidak seperti tahun sebelum ini, SPP akan turun padang melalui pelbagai program bagi menyantuni komuniti pendidikan di lokasi terpilih. Bagaimanapun, sebagai usaha mengadaptasi norma baharu, salah satu program turun padang yang dianjurkan secara bersemuka iaitu Taklimat Persediaan Urusan Temu Duga diganti dengan penganjuran dalam talian atau secara webinar.

Sebanyak empat (4) webinar Persediaan Urusan Temu Duga yang dilaksanakan sepanjang tahun 2021 melibatkan pelbagai universiti awam dan pelajar tahun akhir fakulti pendidikan. Antara yang terlibat termasuk Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Turut diadakan adalah Taklimat Urusan Temu Duga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara *one-off*. Penganjuran webinar ini dilihat sangat penting dalam usaha mempersiapkan calon-calon khususnya pelajar tahun akhir fakulti pendidikan untuk menduduki temu duga sekiranya berjaya disenarai pendek oleh SPP.

Penganjuran webinar ini dilihat sangat penting dalam usaha mempersiapkan calon-calon khususnya pelajar tahun akhir fakulti pendidikan untuk menduduki temu duga sekiranya berjaya disenarai pendek oleh SPP.

SENARAI WEBINAR TAKLIMAT PERSEDIAAN URUSAN TEMU DUGA SPP

| BIL | SENARAI WEBINAR | TARIKH | PERASMI |
|---|---|---|---|
| 1. | Wacana Kerjaya Universiti Malaya bersama SPP. | 4 Ogos 2021 | YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP |
| 2. | Webinar Laluan Kerjaya dan Persediaan Temu Duga USM bersama SPP. | 5 Ogos 2021 | |
| 3. | Webinar Kerjaya bersama SPP anjuran Majlis Dekan Pendidikan UA dan KPT | 18 Ogos 2021 | |
| 4. | Taklimat Urusan Temu Duga Pengambilan Khas PPP DG41 secara *One-Off*. | 4 Oktober 2021 | |

# Aktiviti dan Pencapaian Utama SPP



YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Pengerusi SPP memberikan ucapan aluan semasa webinar Wacana Kerjaya Universiti Malaya bersama SPP.



YBrs. Encik Md Radzi bin Hashim, Setiausaha SPP memberikan taklimat semasa Webinar Kerjaya bersama SPP anjuran Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).



Selain Setiausaha, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) dan Setiausaha Bahagian Pengambilan SPP turut sama terlibat semasa Webinar Laluan Kerjaya dan Persediaan Temu Duga USM bersama SPP.

# Aktiviti dan Pencapaian Utama SPP

## Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred (PPP) DG41 Secara *One-Off*

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah melaksanakan urusan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 Secara *One-Off* Tahun 2021 yang bertujuan untuk mengisi kekosongan kritikal sebanyak 18,702 jawatan di seluruh sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Bagi urusan pengambilan secara *One-Off ini*, SPP pertama kali mengguna pakai kluster matriks opsyen yang disediakan oleh KPM bagi membolehkan lebih ramai calon dilantik dalam mengoptimumkan keperluan pengisian jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41.

SPP menggunakan dua (2) kaedah pelantikan bagi memastikan pengisian kekosongan dapat dioptimumkan bagi pengambilan ini iaitu:

1. Pelantikan tetap bagi calon yang mempunyai Ikhtisas Pendidikan dilaksanakan sepenuhnya oleh SPP; dan
2. Pelantikan secara kontrak bagi calon yang tidak mempunyai Ikhtisas Pendidikan dilaksanakan SPP dengan kerjasama KPM.

Urusan pengambilan pelantikan tetap telah bermula dengan hebahan iklan pengambilan pada 7 Julai 2021 dan SPP telah menerima sebanyak 489,082 permohonan. Seramai 17,615 orang calon telah dipanggil untuk menghadiri temu duga bermula dari 8 September hingga 15 Disember 2021.

Manakala urusan pengambilan pelantikan secara kontrak pula, iklan pengambilan telah dihebahkan pada 27 September 2021. Sebanyak 84,168 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut 70,589 orang calon telah menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG)[1] pada 11 hingga 16 Oktober 2021. Seramai 18,095 orang calon yang lulus e-UKCG telah dipanggil menghadiri sesi temu duga yang telah diadakan pada 2 hingga 12 November 2021.

Sehingga 31 Disember 2021, seramai 6,416 orang calon telah dilantik tetap untuk mengisi 34 peratus daripada keseluruhan kekosongan. Memandangkan urusan pengambilan khas ini masih dilaksanakan, baki kekosongan dijangka akan dapat diisi pada suku pertama tahun 2022.

Perincian urusan pengambilan khas sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti di jadual di bawah:

| NO. | KAEDAH PELANTIKAN | TEMU DUGA | LANTIK |
|---|---|---|---|
| 1. | Pelantikan Tetap | 17,615 | 6,416 |
| 2. | Pelantikan Secara Kontrak | 18,095 | 0 |
| **JUMLAH** | | **35,710** | **6,416** |

[1] **e-UKCG adalah merupakan ujian **psikometrik** secara dalam talian yang digunakan oleh IPGM KPM untuk menyaring calon-calon yang memohon latihan perguruan di IPG. Hanya calon yang lulus e-UKCG layak dipertimbangkan untuk menduduki saringan seterusnya.*

## Urusan Temuduga Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 Secara *One-Off* Yang Dilaksanakan Secara Dalam Talian Bermula dari 8 September Hingga 15 Disember 2021










PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Liputan Media



Kosmo, 21September 2021

# Lantikan *one-off* tangani isu guru tak cukup di sekolah

**KUALA LUMPUR** – Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil 18,000 guru secara *one-off* akan menyelesaikan masalah kekurangan guru yang telah berlanjutan di negara ini.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin berkata, pengambilan guru itu akan mengisi 21,564 kekosongan guru di sekolah KPM di seluruh negara.

"Bagi kekosongan 2,862 lagi akan diisi melalui proses lantikan biasa secara berterusan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pengurusan (SPP)," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Sabri Azit (**Pas-Jerai**) mengenai kriteria utama pemilihan 18,000 guru dan keperluan sebenar kekosongan guru di seluruh negara.

Mohd. Radzi berkata, urusan pengambilan guru atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 secara *one-off* bagi 2021 di bawah bidang kuasa SPP selaku pihak berkuasa melantik.

Menurut beliau, keutamaan diberi kepada graduan memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan daripada universiti awam, swasta dan luar negara.

Kata beliau, kriteria juga menetapkan calon memenuhi syarat skim perkhidmatan, memenuhi padanan kluster mata pelajaran dan berjaya dalam temu duga.

"Calon dinilai dari segi kompetensi umum seperti sikap, penampilan diri, pengetahuan am dan kompetensi *functional* seperti kandungan mata pelajaran," tambahnya.



**JUMLAH guru yang ada ketika ini tidak mencukupi hingga memaksa kerajaan mendapatkan cikgu secara *one-off*.** – GAMBAR HIASAN

# Pengiktirafan



## Kenyataan media, 6 Julai 2021

SIRIM QAS INTERNATIONAL

# SIJIL

ISMS
SIRIM

STANDARDS MALAYSIA
ACCREDITED CERTIFICATION BODY
ISMS 17022011 CB 01

UKAS MANAGEMENT SYSTEMS
074

IQNet

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN MALAYSIA**
**ARAS 1-4, BLOK B3, KOMPLEKS JPM**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
**62526 PUTRAJAYA**
**WILAYAH PERSEKUTUAN**
**MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

**ISO/IEC 27001:2013**
**Information Technology – Security Techniques – Information Security Management Systems – Requirements**

Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PROSES PERAKUAN URUSAN PERKHIDMATAN ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (APP) MENGGUNAKAN SISTEM eSPP DI IBU PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN.**

***NI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: VERSI 3.1, 04 OKTOBER 2019***

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dikeluarkan | : | **11 November 2019** |
| Tarikh asal pensijilan | : | **15 November 2018** |
| Tarikh luput | : | **14 November 2021** |
| No. pensijilan | : | **ISMS 00324** |

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(No. Syarikat 410334 - X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, Peti Surat 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-5544 6404
Faks : 60-3-5544 6787
http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

**Mohd Azanuddin Salleh**
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti ternyata dalam Perjanjian Pensijilan.

**Sijil *Information Security Management System* (ISMS) versi MS ISO/IEC 27001:2013**

## PENGIKTIRAFAN PENGANUGERAHAN KADAR PUSINGAN STOR (KPS) TERBAIK BAGI TAHUN 2020

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah mendapat pengiktirafan Penganugerahan Kadar Pusingan Stor (KPS) Terbaik Bagi Tahun 2020 oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) semasa Persidangan Tahunan Pegawai Aset Tahun 2021 yang telah diadakan pada 23 November 2021 (Selasa).

Pengiktirafan ini adalah julung kali diperkenalkan oleh pihak MOF dan SPP merupakan salah satu Jabatan yang telah dipilih daripada keseluruhan Kementerian/ Jabatan/Agensi bagi mendapat penganugerahan ini. Penilaian penganugerahan ini adalah daripada hasil KPS tiga (3) stor utama iaitu Stor Utama Ibu Pejabat, Stor Utama USC Sabah dan Stor Utama USC Sarawak.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat. Semoga kecemerlangan ini dikekalkan di tahun-tahun akan datang.









**Plak Pengiktirafan Penganugerahan Kadar Pusingan Stor (KPS) Terbaik Bagi Tahun 2020**



Sijil Penganugerahan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA
Merakamkan penghargaan dan tahniah kepada

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Atas penganugerahan
KADAR PUSINGAN STOK (KPS) TERBAIK BAGI TAHUN 2020

Bersempena
Persidangan Tahunan Pegawai Aset 2021

Pada
23 November 2021

Anjuran
Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Dato' Asri Bin Hamidon
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

**Sijil Pengiktirafan Penganugerahan Kadar Pusingan Stor (KPS) Terbaik Bagi Tahun 2020**


PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PEN
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Sekalung Penghargaan



# Sekalung Penghargaan

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan agensi-agensi Kerajaan lain yang telah memberikan bantuan dan kerjasama dalam membolehkan urusan di Suruhanjaya ini berjalan dengan lancar.

SPP juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas sumbangan dan bakti yang telah diberikan oleh Anggota Suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatan kontrak dan pihak Urus Setia SPP yang telah bersara atau bertukar keluar sepanjang tempoh tahun 2021 ini. Khidmat bakti semua pihak yang terlibat amatlah dihargai.

| ANGGOTA SURUHANJAYA YANG TELAH TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN | | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | **YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof**<br>Pengerusi SPP | 26.11.2021 |
| 2. | **YBhg. Datuk Muhiddin @ Mohd. Anas bin Yusin**<br>Ahli Suruhanjaya | 26.11.2021 |
| 3. | **YBhg. Dato' Hj. Mohd. Sani bin Mistam**<br>Ahli Suruhanjaya | 03.01.2021 |
| 4. | **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Shapie**<br>Ahli Suruhanjaya | 03.01.2021 |

| URUS SETIA SPP (BERSARA) | | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | **YBhg. Datuk Suhaimi bin Jusoh**<br>Setiausaha SPP | 1.1.2021 |
| 2. | **Encik Wan Ahmad bin Ibrahim**<br>Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan | 12.05.2021 |
| 3. | **Encik Roslan bin Yusof**<br>Ketua Pembantu Tadbir Bahagian Perkhidmatan | 03.01.2021 |
| 4. | **Encik Adzhar bin Hamidin**<br>Pemandu Kenderaan Bahagian Pengurusan | 24.05.2021 |
| 5. | **Encik Michael Emparan Anding**<br>Ketua Pembantu Tadbir Urus setia Cawangan Sarawak | 19.07.2021 |

| URUS SETIA SPP (MENINGGAL DUNIA) | | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Allahyarhamah Norizan binti Mohd J. Makir<br>Allahyarhamah yang memegang jawatan sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 di Bahagian Perkhidmatan SPP telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 16 tahun.<br><br>Semoga arwah ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman.<br><br>*Al-Fatihah* | 21.08.2021 |

| | URUS SETIA SPP (BERTUKAR KELUAR) | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Puan Erlyna Yati binti Mohd Dan | 04.01.2021 |
| 2. | Puan Marina binti Kamis | 04.01.2021 |
| 3. | Encik Mohd Nazimuddin bin Mohd Nasir | 04.01.2021 |
| 4. | Puan Suraihan binti Rattas | 04.01.2021 |
| 5. | Puan Wan Sarifah Nazariah binti Wan Ismail | 04.01.2021 |
| 6. | Encik Zairom bin Ahmad | 04.01.2021 |
| 7. | Encik Mohamad Sha bin Dawang | 11.01.2021 |
| 8. | Munirah binti Mahmood | 08.02.2021 |
| 9. | Alinapiah bin Daud | 02.02.2021 |
| 10. | Roslinah binti Abdullah | 02.02.2021 |
| 11. | Zuaini binti Mohamad | 08.03.2021 |
| 12. | Suriana binti Muhamad | 16.03.2021 |
| 13. | Nor Rosnita binti Mohd Roshdi | 30.03.2021 |
| 14. | Norsuriani binti Shaburzahari | 30.03.2021 |
| 15. | Hasanah binti Hashim | 30.03.2021 |
| 16. | Asfazura binti Sabran | 30.03.2021 |
| 17. | Noorafizah binti Alias | 30.03.2021 |
| 18. | Ezza Nadia binti Ajib | 01.04.2021 |
| 19. | Norsyaidatul Izma binti Mohd Ramli | 05.04.2021 |
| 20. | Azurah binti Ag. Hashim | 19.04.2021 |
| 21. | Rohaida binti Ismail | 24.05.2021 |
| 22. | Norhidayah binti Buhari | 15.06.2021 |
| 23. | Azfa Lia binti Fardes | 15.06.2021 |
| 24. | Nor Azlina binti Mohammad Aslam | 23.06.2021 |
| 25. | Shahirah binti Mohd Nor | 05.07.2021 |
| 26. | Fairoul Ashmey bin Pauzan | 11.08.2021 |
| 27. | Nur Zaina binti Mohd Nasser | 16.11.2021 |
| 28. | Sazrina Afiza binti Sahar | 09.11.2021 |
| 29. | Siti Norzaleha binti Latib | 15.11.2021 |
| 30. | Israwani binti Ishak | 18.11.2021 |
| 31. | Muzarwani binti Mohd Zain | 18.11.2021 |
| 32. | Norabidah binti Omar | 22.11.2021 |
| 33. | Daisy Ann A/P Arulnathan | 01.12.2021 |
| 34. | Nor Aisah binti Abdul Karim | 01.12.2021 |
| 35. | Zailani binti Abdul Rahman | 01.12.2021 |
| 36. | Suhailah binti Mohd Shahumi | 01.12.2021 |
| 37. | Azizah binti Misrun | 01.12.2021 |
| 38. | Hazlina binti Hambali | 01.12.2021 |
| 39. | Shafirah binti Shafie | 01.12.2021 |
| 40. | Juliana binti Danil | 01.12.2021 |
| 41. | Noor Masyira binti Maayit | 14.12.2021 |
| 42. | Faridah binti Yahaya | 14.12.2021 |
| 43. | Suhaimi @ Azman bin Abd Kadir | 10.12.2021 |
| 44. | Suziana binti Baharom Ulom | 15.12.2021 |

SPP mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) warganya. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menjadi satu suntikan semangat dan motivasi kepada warga SPP  Yang lain untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang pada masa akan datang.

| PENERIMA APC | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Hamzah bin Mohd Noor<br>Penolong Setiausaha Gred M44<br>Bahagian Perkhidmatan | 10. | Puan Siti Khuzaimah binti Abdul Kahar<br>Pembantu Tadbir (Kew) Gred W22 (TBK)<br>Bahagian Pengurusan |
| 2. | Encik  Muhammad Shahir bin Mustafar<br>Pegawai Penerangan Gred S44(M)<br>Bahagian Pengurusan | 11. | Puan Siti Khalijah binti Mohd Sollah<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19<br>Bahagian Dasar Dan Perancangan |
| 3. | Puan Mazuin binti Mohd Sapon<br>Penolong Pegawai Tadbir Gred N32<br>Bahagian Pengambilan | 12. | Puan Najiyah binti Maliki<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19<br>Bahagian Pengambilan |
| 4. | Puan Nor Azlina binti Mustapa<br>Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29<br>Bahagian Pengurusan Maklumat | 13. | Puan Normala binti Ramli<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19<br>Bahagian Perkhidmatan |
| 5. | Puan Wan Zaimashazelinda binti Wan Mazini<br>Setiausaha Pejabat Gred N29<br>Pejabat Setiausaha | 14. | Puan Zuriyanti Kok binti Mohamad Ramzi<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19<br>Urus setia cawangan  Sarawak |
| 6. | Encik Hamidi bin Ibrahim<br>Pembantu Tadbir Gred N26<br>Bahagian Naik Pangkat Dan Tatatertib | 15. | Puan Zatil Shahira binti Mohd Yusoff<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19<br>Urus setia cawangan Sabah |
| 7. | Puan Nor Emizializa binti Mohamed Marizi<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)<br>Unit Integriti | 16. | Puan Noorazlina binti Md Sukri<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19<br>Urus setia cawangan Sabah |
| 8. | Puan Ramuna Bini Buan<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK)<br>Urus setia Cawangan Sarawak | 17. | Encik Mohd Maszuan bin Mohd Shahar<br>Pembantu Operasi Gred N11<br>Bahagian Keurusetiaan |
| 9. | Puan Jamaliah binti Basri<br>Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (KUP)<br>Bahagian Pengambilan | | |

# Glosari


PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMA
"Dinamik, Efektif & Berintegriti"

# Glosari

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| AKP | Anggota Kumpulan Pelaksana |
| APP | Anggota Perkhidmatan Pendidikan |
| APC | Anugerah Perkhidmatan Cemerlang |
| IPGM | Institut Pendidikan Guru Malaysia |
| UA | Universiti Awam |
| ISMP | Ijazah Sarjana Muda Pendidikan |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPT | Kementerian Pengajian Tinggi |
| KPPM | Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia |
| KWSP | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja |
| PBM | Pihak Berkuasa Melantik |
| PISMP | Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan |
| PKP | Pegawai Khidmat Pelanggan |
| PM | Pembantu Makmal |
| PO | Pembantu Operasi |
| PPM | Pembantu Pengurusan Murid |
| PPP | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan |
| PPPT | Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi |
| PT (Kew) | Pembantu Tadbir (Kewangan) |
| PT (P/O) | Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi) |
| PTB | Pemberian Taraf Berpencen |
| PTP | Pelanjutan Tempoh Percubaan |
| SABK | Sekolah Agama Bantuan Kerajaan |
| SLTP | Skim Latihan Tenaga Pengajar |
| SPP | Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan |
| TFM | Teach For Malaysia |



# Lagu SPP



# Lagu SPP

*Tekad, tegas dan adil*
*Efisien dan amanah*
*Mengambil kira semua*
*Hasrat pelanggan*
*Tanpa mengira bangsa*
*Tanpa mengira masa*
*Kami tetap berkhidmat*
*Dalam mencapai wawasan*
*Kami pentingkan kualiti*
*Dalam transformasi dan misi bestari*
*Yang terbaik jadi pilihan*
*Bersama modal insan cemerlang*
*Hasrat negara didahulukan*
*Berlandaskan kod etika*
*Dengan hati yang suci*
*SPP dinamik, efektif dan berintegriti*
*SPP peneraju modal insan*
*Sektor pendidikan*

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**
(Ibu Pejabat Putrajaya)
Aras 1-4, Blok F9
Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
**Tel**: 03-8000 8000 | **Faks**: 03-8871 7499

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**
Urus Setia Cawangan Sabah
Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
**Tel**: 088-488 521/522/523/524

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**
Urus Setia Cawangan Sarawak
Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn
Lot 1546, Blok 17, KCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching, Sarawak
**Tel**: 082-537 000 / 029 | **Faks**: 082-528 971 / 972

www.spp.gov.my

